

KONFLIK PERTIKAIAN KEDAULATAN DI KEPULAUAN SPRATLY: ANALISIS CABARAN DAN CADANGAN PENGURUSAN MENGIKUT KERANGKA UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

*(Sovereignty Dispute Spratly Islands: Analysing Challenges And Proposed
Resolutions Within The Framework Of International Law)*

ⁱSulha Aqilah Halmi & ⁱⁱ*Rozlinda Mohamed Fadzil

ⁱ4th Year Student of Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

ⁱⁱ Senior Lecturer at Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding author: leenda@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kepulauan Spratly merupakan antara kawasan yang paling dipertikaikan di Laut China Selatan, melibatkan beberapa negara penuntut seperti China, Vietnam, Filipina dan Malaysia. Kepentingan strategik kawasan ini serta kekayaan sumber semula jadinya telah menyebabkan pertindihan tuntutan kedaulatan yang semakin meruncing dan menimbulkan ketegangan geopolitik di rantau tersebut. Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan untuk menganalisis cabaran yang timbul daripada pertikaian kedaulatan di Kepulauan Spratly serta menilai keberkesanan kerangka undang-undang antarabangsa dalam mengurus konflik tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis doktrinal terhadap instrumen undang-undang antarabangsa, kes-kes antarabangsa, penulisan sarjana serta dokumen rasmi yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun UNCLOS menyediakan asas yang penting dalam menentukan hak maritim negara, pertikaian yang berlarutan memerlukan pendekatan pengurusan yang lebih pragmatik dan berorientasikan kerjasama. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan penggunaan mekanisme konsiliasi secara berperingkat, pemerkasaan Code of Conduct (CoC) melalui penubuhan mekanisme pemantauan dan pematuhan yang lebih jelas, serta pengenalan Joint Development Zone (JDZ) sebagai suatu pengaturan sementara yang bersifat praktikal selaras dengan Artikel 74(3) dan Artikel 83(3) UNCLOS. Kajian ini seterusnya berhujah bahawa pendekatan yang menekankan kerjasama serantau dan pengurusan konflik secara konstruktif adalah lebih realistik dalam mengekalkan keamanan, kestabilan dan pembangunan bersama di Laut China Selatan tanpa memprejudiskan tuntutan kedaulatan negara-negara yang terlibat.

Article history:

Submission date: 09 March 2026

Received in revised form: 23 June 2026

Acceptance date: 24 June 2026

Keywords:

Konflik Kedaulatan, Kepulauan Spratly; Laut China Selatan; UNCLOS; Penyelesaian Konflik

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Halmi, S. A., & Fadzil, R. M. (2026). Konflik Pertikaian Kedaulatan di Kepulauan Spratly: Analisis Cabaran dan Cadangan Pengurusan Mengikut Kerangka Undang-Undang Antarabangsa. *Current Legal Issues*, 8(1), 50-72.

ABSTRACT

The Spratly Islands are among the most contested areas in the South China Sea, involving several claimant states such as China, Vietnam, the Philippines,

and Malaysia. The strategic significance of the region, coupled with its abundance of natural resources, has intensified overlapping sovereignty claims and heightened geopolitical tensions in the region. In this context, this study aims to analyse the challenges arising from the sovereignty disputes in the Spratly Islands and to assess the effectiveness of the international legal framework in managing such conflicts. The study adopts a qualitative approach through doctrinal analysis of international legal instruments, international cases, scholarly writings, and relevant official documents. The findings reveal that while the United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS) provides an important legal basis for determining maritime entitlements, the protracted nature of the dispute necessitates a more pragmatic and cooperative approach to conflict management. Accordingly, this study proposes the phased use of conciliation mechanisms, the strengthening of the Code of Conduct (CoC) through the establishment of clearer monitoring and compliance mechanisms, and the introduction of a Joint Development Zone (JDZ) as a practical provisional arrangement consistent with Articles 74(3) and 83(3) of UNCLOS. This study further argues that an approach emphasising regional cooperation and constructive conflict management represents a more realistic means of maintaining peace, stability, and shared development in the South China Sea without prejudicing the sovereignty claims of the states concerned.

PENGENALAN

Kepulauan Spratly di Laut China Selatan merupakan gugusan pulau strategik yang menjadi punca konflik geopolitik antara China dan negara-negara Asia Tenggara seperti Vietnam, Filipina dan Malaysia ekoran semua negara ini mengemukakan tuntutan ke atas seluruh atau sebahagian wilayah ini. Dengan keluasan kira-kira 240,000 km², gugusan ini mengandungi sekurang-kurangnya 19 pulau yang diiktiraf di bawah Artikel 121 Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS).

Pulau-pulau utama dalam gugusan Spratly seperti Itu Aba, Thitu, Pag-asa, Swallow Reef dan Fiery Cross Reef mempunyai saiz yang amat kecil, dengan Itu Aba yang merupakan pulau terbesar, hanya berkeluasan sekitar 0.4 kilometer persegi. (Chang, 2018). Dengan keluasan yang terhad serta kedudukan yang terpencil telah menyebabkan kawasan ini kurang diberi perhatian sepanjang sejarah, bahkan sering dianggap tidak signifikan dari segi ekonomi dan geopolitik. Malah, kehadiran terumbu

karang yang padat menjadikannya berbahaya kepada pelayaran sekaligus menambah persepsi negatif terhadap potensi strategiknya pada ketika itu (Murphy, 1994).

Namun, lonjakan harga minyak pada 1970-an telah mengubah kedudukan strategik kawasan ini. Penemuan sumber tenaga di luar pesisir Malaysia, Brunei dan Vietnam, serta eksplorasi oleh Filipina menarik perhatian serantau. Gugusan ini berubah daripada laluan nelayan kepada kawasan rebutan geopolitik dan ekonomi, yang digambarkan sebagai “mata ribut politik” dan “potensi Falklands di Asia” (Ma, 2020).

Negara-negara terbabit telah memperkukuh tuntutan masing-masing dengan menduduki pulau, melakukan penambakan laut, membina kem tentera, rumah api, landasan kapal terbang, dan stesen cuaca atas justifikasi pengukuhan keselamatan dan kedaulatan. (Chen, 2024)

Di sebalik perebutan wilayah dan pertikaian kedaulatan maritim ini, konflik ini turut berkisar tentang pengaruh kuasa negara penuntut ke atas pengawalan lautan

perdagangan serta sumber hidupan laut dan hidrokarbon yang bernilai tinggi.

Satu laporan dari China menganggarkan bahawa Kepulauan Spratly mempunyai sumber hidrokarbon yang dianggarkan bersamaan dengan 225 bilion tong minyak. (Menier, 2020). Akibat itu, kepulauan Spratly kini menjadi titik penting dalam mencorakkan geopolitik Asia Tenggara.

Pertikaian ini semakin kompleks apabila tafsiran terhadap UNCLOS, khususnya berhubung ZEE, pelantar benua, dan definisi pulau, berbeza antara negara. Misalnya, China menuntut hampir keseluruhan kawasan menerusi garis Sembilan Garisan Putus (Nine-Dash Line), yang tidak diiktiraf oleh Malaysia, Filipina, dan Vietnam.

Malah, Tribunal timbang tara melibatkan Filipina dan China turut menegaskan bahawa tuntutan China berdasarkan “Nine-Dash Line” adalah tidak serasi dan bercanggah dengan kerangka undang-undang yang ditetapkan oleh UNCLOS. Hal ini kerana tuntutan tersebut bercanggah dengan pembahagian hak dan zon maritim yang telah diperuntukkan secara terperinci oleh UNCLOS. Tribunal timbang tara turut menegaskan bahawa UNCLOS adalah suatu kerangka yang komprehensif bagi memperuntukkan hak-hak maritim sesebuah negara serta menentukan had kawasan maritim secara jelas. Memandangkan UNCLOS adalah komprehensif, maka tuntutan terhadap sumber maritim mestilah tertakluk kepada sistem zon maritim yang telah jelas diperuntukkan di bawah UNCLOS. (Special Issue On The South China Sea Arbitration, 2016).

Penambahan pulau oleh China dan Vietnam pula menambah kemelut. Pembinaan infrastruktur di kawasan dipertikai mencetus persoalan tentang kesahan hak maritim berdasarkan status pulau menurut UNCLOS. Dr. Rafiq Idris,

seorang pakar ekonomi dari Universiti Malaysia Sabah, turut menyatakan kebimbangannya mengenai gangguan terhadap laluan perdagangan yang melalui Laut China Selatan, yang menjadi laluan utama bagi kapal-kapal dagang. Beliau menegaskan bahawa ketidakstabilan dan kekeliruan yang ditimbulkan oleh konflik ini boleh memberikan impak besar terhadap ekonomi negara-negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia (Parzi, 2023).

Malah, Gao dan Jia (2013) menekankan bahawa terdapat juga masalah tafsiran yang ketara dalam beberapa peruntukan UNCLOS terutama yang berkaitan dengan garis pangkal, hak maritim ke atas pulau buatan manusia dan hak kedaulatan terhadap kawasan-kawasan yang diliputi oleh Nine-Dash Line oleh China. Ketidaktepatan ini menambah kekeliruan dan mempengaruhi kestabilan hubungan diplomatik antara negara-negara yang terlibat. Selain itu, perbezaan dalam tafsiran undang-undang antarabangsa menyebabkan beberapa negara tidak dapat mencapai persetujuan mengenai status pulau dan kawasan maritim yang menjadi subjek pertikaian.

Oleh itu, kajian ini menilai bagaimana prinsip UNCLOS diterapkan dalam pertikaian ini dan menganalisis kesan tafsiran yang berbeza terhadap hubungan antarabangsa serta kestabilan serantau. Kajian ini juga meneliti peranan mekanisme arbitrase dan kaedah diplomatik dalam menyelesaikan konflik, serta mencadangkan pendekatan pengurusan yang lebih adil dan mampan bagi menjamin kestabilan Laut China Selatan dan keseimbangan kepentingan semua pihak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara asasnya menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian perpustakaan. Skop kajian penulisan ini memberi tumpuan yang mendalam mengenai cabaran tuntutan bertindih di Laut

China Selatan, khususnya China, Filipina, Vietnam, Malaysia, Taiwan dan Brunei, di samping mengemukakan cadangan pengurusan mengikut kerangka undang-undang antarabangsa.

Bagi mencapai objektif kajian, sumber primer yang digunakan terdiri daripada instrumen undang-undang antarabangsa seperti *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS), Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Charter), keputusan timbang tara dalam kes *South China Sea Arbitration (Philippines v China) 2016*, penghakiman mahkamah antarabangsa, serta laporan dan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh organisasi antarabangsa dan negara-negara yang terlibat. Pemilihan sumber-sumber tersebut adalah berasaskan autoriti dan kesesuaiannya dalam menghuraikan secara komprehensif prinsip-prinsip yang berkaitan dengan penentuan hak maritim, kedaulatan negara serta mekanisme pengurusan pertikaian mengikut kerangka undang-undang antarabangsa.

Di samping itu, sumber sekunder juga dirujuk dalam penulisan artikel ini. Hal ini termasuk autoriti seperti artikel jurnal, buku ilmiah akademik dan penulisan sarjana dalam bidang undang-undang antarabangsa. Bahan-bahan sekunder ini diperolehi melalui pangkalan data akademik seperti LexisNexis dan HeinOnline. Sumber sekunder ini dirujuk kerana perbincangan dan pandangan yang dikemukakan adalah terkini berhubung isu yang dikaji. Malah, pemilihan sumber sekunder ini bertujuan untuk memberikan sokongan analitikal dan membolehkan perbandingan dibuat terhadap pelbagai pandangan sarjana mengenai status perundangan tuntutan di Kepulauan Spratly dan keberkesanan mekanisme pengurusan pertikaian yang sedia ada.

Dari segi pendekatan analisis, kajian ini menggunakan kaedah analisis doktrinal dan analisis kritikal. Analisis doktrinal adalah terpakai dalam penelitian dan

pentafsiran peruntukan undang-undang antarabangsa, prinsip-prinsip yang terkandung dalam UNCLOS, serta keputusan-keputusan kehakiman dan timbang tara yang berkaitan dengan pertikaian maritim.

Tambahan pula, analisis kritikal digunakan untuk menilai cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut antara China dan negara-negara yang terlibat, termasuk isu ketidakpatuhan terhadap keputusan timbang tara, pertindihan tuntutan kedaulatan dan persaingan geopolitik di rantau Laut China Selatan.

Hasil daripada penilaian kepada kaedah analisis tersebut, kajian ini seterusnya mengemukakan cadangan pengurusan yang lebih adil, konstruktif dan selaras dengan kerangka undang-undang antarabangsa bagi menggalakkan pengurusan pertikaian secara aman dan mengekalkan kestabilan serantau.

TUNTUTAN KEDAULATAN NEGARA-NEGARA TERLIBAT DI KEPULAUAN SPRATLY

Tuntutan Oleh Negara China

Tuntutan China ke atas Kepulauan Spratly berakar daripada sejarah yang mendalam dan panjang, di mana China mendakwa telah menjadi penguasa pertama di kawasan tersebut. Dengan menelusuri sejarah penemuan pulau-pulau ini yang bermula sejak Dinasti Xia dan Han, China berhujah bahawa mereka adalah penjaga sah kawasan Laut China Selatan (Teh, 1991). Sejak penemuan awal itu, mereka telah mencatatkan aktiviti perdagangan dan hubungan maritim yang menjadi asas kuat tuntutan mereka. Bukti-bukti yang terkandung dalam peta purba dan teks-teks sejarah seperti *Zhōngguó Hǎi Zhǐnán* dan *Gèng Bù Lù* menyokong pendirian China sebagai yang pertama menamakan dan

menguasai pulau-pulau tersebut, mengukuhkan lagi hak mereka ke atas kawasan ini sebagai sebahagian daripada warisan sejarah mereka.

Misalnya, pada tahun 1405, Maharaja Cheng Zu dari Dinasti Ming menghantar utusan terkenal, Cheng Ho, untuk meneroka dan memetakan kawasan Laut China Selatan, yang kemudiannya menjadikan pulau-pulau tersebut sebahagian daripada peta rasmi China. China turut berpendapat bahawa Kepulauan Spratly adalah tanah kosong (*terra nullius*) sebelum penemuan mereka dan penguasaan ke atasnya, serta mereka menamakan gugusan pulau ini sebagai Pulau Nansha (Hasan, 2019).

Tuntutan China semakin kuat dengan munculnya "garis sembilan garisan" (*nine-dash line*) dalam peta rasmi mereka yang diterbitkan pada tahun 1947, selepas Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua dan menarik keluar tenteranya dari pulau-pulau di Laut China Selatan (Usuki, 2017). Garis ini secara jelas meluaskan kawasan kuasa China ke seluruh Laut China Selatan, termasuk kawasan yang berdekatan dengan pantai negara-negara seperti Filipina, Vietnam, Brunei, dan Malaysia.

Pada tahun 1946 hingga 1947, China menggabungkan Kepulauan Spratly ke dalam wilayah Guangdong, dan menerbitkan nama rasmi bagi setiap pulau di kawasan tersebut. Sejak tahun 1987, China mengklasifikasikan kepulauan ini sebagai sebahagian daripada wilayah Mainan (Pemmaraju, 2016). Dari lebih 200 ciri maritim yang terdapat di Kepulauan Spratly, China kini menguasai tujuh daripadanya, yang semakin mengukuhkan tuntutan mereka terhadap kawasan yang kaya dengan sumber alam ini (Vulving, 2016). China juga merujuk kepada pengiktirafan sejarah daripada negara-negara lain, seperti Jerman pada tahun 1883 dan Britain pada tahun 1957, yang mengiktiraf secara implisit atau

eksplisit tuntutan mereka ke atas pulau-pulau di Laut China Selatan.

Tuntutan Oleh Negara Malaysia

Tuntutan Malaysia ke atas Kepulauan Spratly berhubung rapat dengan beberapa prinsip utama dalam UNCLOS 1982, terutamanya yang melibatkan ZEE dan pelantar benua yang dituntut oleh negara ini. Malaysia menuntut kedaulatan ke atas beberapa pulau, terumbu karang, dan batu di bahagian selatan Kepulauan Spratly, yang terletak dalam ZEE Malaysia yang meluas dari Sabah dan juga di pelantar benua negara ini. UNCLOS 1982 memberikan hak kepada negara pesisir dalam ZEE untuk meneroka, mengeksploitasi, memulihara dan mengurus sumber alam, sama ada sumber hidup atau bukan hidup, di perairan, dasar laut dan subsoil. Selain itu, negara pesisir turut mempunyai bidang kuasa berkaitan pembinaan dan penggunaan pulau buatan, pemasangan serta struktur dalam ZEE dan pelantar benua (Nasir, 2017). Malaysia, berlandaskan hak kedaulatan yang diiktiraf oleh UNCLOS, menegaskan haknya untuk membangunkan dan menguruskan ciri-ciri ini di kawasan yang dituntut.

Pulau Layang-Layang (Swallow Reef) memainkan peranan utama dalam tuntutan Malaysia. Pada asalnya ia hanyalah sebuah batu kecil yang tidak dikenali, namun Malaysia telah menjalankan penambakan untuk menjadikannya sebuah pulau yang layak dihuni. (Lai et al., 2021). Malaysia kini mendirikan stesen tentera laut mini dan kawasan bot kecil di pulau ini, memperkukuhkan lagi tuntutannya terhadap pulau tersebut.

Selain itu, Malaysia mentafsirkan Artikel 74 dan Artikel 83 UNCLOS 1982, yang menyatakan bahawa sekiranya tiada persetujuan dicapai mengenai sempadan ZEE atau pelantar benua, pengurusan yang adil perlu dicapai melalui penggunaan garisan median. Garisan median adalah garis

di mana setiap titiknya mempunyai jarak yang sama dari garis dasar Malaysia dan negara-negara jiran (Muhammad et al., 2017). Selain itu, menurut Artikel 56 dan Artikel 76 UNCLOS, jika jarak maritim antara negara-negara terlibat kurang daripada atau sehingga 200 batu nautika dari garis dasar mereka, sempadan ZEE dan pelantar benua akan berada pada garis yang sama.

Prinsip ini juga selaras dengan Artikel 121 UNCLOS yang membezakan antara hak dan tanggungjawab berkaitan pulau dan batu. Artikel tersebut mentakrifkan pulau sebagai kawasan tanah yang terbentuk secara semula jadi, dikelilingi air, dan berada di atas permukaan air semasa air pasang. Namun, Artikel 121(3) secara jelas menyatakan bahawa batu yang tidak boleh menyokong kehidupan manusia atau kegiatan ekonomi tidak boleh dijadikan asas untuk menuntut ZEE atau zon bersebelahan. Perbezaan ini amat relevan dalam isu Kepulauan Spratly, di mana banyak ciri geografi yang dituntut oleh Malaysia dan negara lain merupakan batu atau ketinggian pasang rendah yang kemudiannya diubah suai melalui kerja penambakan menjadi seperti pulau.

Selain tuntutan ke atas pulau semula jadi, Malaysia juga menuntut hak ke atas pulau buatan, pemasangan, dan struktur yang telah dibina di beberapa ciri yang diduduki (*Considering the Maritime Boundaries in Malaysia*, 2022). Pulau Layang-Layang telah dibangunkan menjadi sebuah pulau yang boleh dihuni, lengkap dengan landasan kapal terbang dan kawasan kediaman, memperkuat lagi tuntutan Malaysia. Artikel 56 dan Artikel 60 UNCLOS 1982 memberikan hak eksklusif kepada negara pesisir untuk membina, memberi kuasa dan menyelenggara struktur-struktur buatan dalam ZEE mereka, tetapi menegaskan bahawa pulau buatan tidak mempunyai status yang sama dengan pulau semula jadi.

Tambahan pula, Artikel 80 UNCLOS 1982 memperluaskan prinsip ini kepada pelantar benua dengan menetapkan bahawa peruntukan berkaitan struktur buatan dalam ZEE juga terpakai mutatis mutandis di pelantar benua. Ini memberikan asas undang-undang kepada Malaysia untuk mengurus dan mengawal struktur buatan yang dibangunkan di kawasan tersebut. Sokongan terhadap prinsip ini turut ditunjukkan dalam undang-undang domestik, khususnya melalui Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984, yang mengatur pembangunan, penggunaan, kawalan, serta zon keselamatan bagi struktur buatan dalam ZEE dan pelantar benua Malaysia, sejajar dengan peruntukan dalam UNCLOS.

Walaupun terdapat ketidakjelasan mengenai status pulau-pulau yang telah diubah secara buatan, Malaysia terus mempertahankan tuntutannya berdasarkan prinsip-prinsip UNCLOS dan hak kedaulatan yang diberikan kepada negara pesisir. Dalam konteks ini, Prof Madya Dr Mohd Hazmi Mohd Rusli, pakar undang-undang maritim antarabangsa dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), menekankan bahawa keputusan Malaysia untuk terus berpegang kepada UNCLOS dalam menghadapi pertikaian maritim di Laut China Selatan menggambarkan pendirian yang tegas dan jelas (Parzi, 2023). Beliau juga menegaskan bahawa walaupun terdapat tuntutan bertindih dengan China, Malaysia berhak untuk meneruskan aktiviti cari gali di perairan tersebut, kerana tuntutannya adalah berasaskan UNCLOS, yang tidak selari dengan tuntutan China. Dengan pendirian yang konsisten ini, Malaysia terus memperkukuhkan pendudukan efektif di kawasan yang dipertikaikan, yang akhirnya menyokong usaha negara untuk memperteguh kedaulatan dan haknya di Laut China Selatan.

Tuntutan Oleh Negara Vietnam

Tuntutan Vietnam terhadap Kepulauan Spratly bermula sejak abad ke-17, jauh sebelum negara lain membuat tuntutan rasmi terhadap kepulauan tersebut. Rekod sejarah menunjukkan bahawa nelayan Vietnam sering mengunjungi pulau-pulau ini untuk mendapatkan sumber alam. Tambahan lagi, Dinasti Vietnam pada masa itu secara rasmi mengawal pulau-pulau ini, memperkukuh lagi hubungan Vietnam dengan wilayah tersebut. Abad ke-17 dianggap sebagai satu tempoh penting apabila Vietnam mula mendakwa kawalan terhadap Kepulauan Spratly, menandakan permulaan hubungan sejarah dan kedaulatan mereka terhadap pulau-pulau tersebut. (Nguyen, 2012).

Pada awal abad ke-20, pihak penjajah Perancis yang menguasai Vietnam juga meneruskan pengawalan terhadap Kepulauan Spratly sebagai sebahagian daripada Indochina Perancis. Nguyen (2012) menjelaskan bahawa pada tahun 1929, kerajaan Perancis secara rasmi mengintegrasikan Kepulauan Spratly ke dalam wilayah pentadbiran Provinsi Phuoc Tuy di Vietnam. Tindakan ini semakin mengukuhkan lagi tuntutan Vietnam di bawah pemerintahan penjajah Perancis. Walaupun begitu, kawalan Perancis terhadap Kepulauan Spratly ditentang oleh negara-negara lain, terutamanya China, dan kemudian Taiwan.

Selepas kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, isu kedaulatan terhadap pelbagai wilayah, termasuk Kepulauan Spratly, menjadi persoalan dalam susunan antarabangsa pasca perang. Selepas kekalahan Perancis dalam Perang Indochina dan pembahagian Vietnam kepada Utara dan Selatan, kerajaan Vietnam Selatan mengekalkan kawalan terhadap Kepulauan Spratly. (Chin & Park, 1975). Pada tahun 1956, Republik Vietnam (Vietnam Selatan) secara rasmi menduduki beberapa pulau di Kepulauan Spratly, termasuk dengan meletakkan tanda dan mendakwa kawalan pentadbiran, sekaligus

mengukuhkan kedaulatannya terhadap kawasan tersebut.

Hujah undang-undang Vietnam bagi kedaulatan atas Kepulauan Spratly berasaskan gabungan hak sejarah, kawalan berterusan, dan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam undang-undang antarabangsa, terutamanya UNCLOS. Vietnam mendakwa bahawa ia telah menguasai Kepulauan Spratly sejak sekian lama, dan bahawa pulau-pulau tersebut tidak pernah berada di bawah kawalan mana-mana kuasa asing sebelum atau selepas zaman penjajahan Perancis. Vietnam juga mendakwa bahawa pentadbirannya ke atas pulau-pulau tersebut adalah konsisten dan aman, memperkukuh lagi kedaulatannya menurut norma undang-undang antarabangsa (Kelly, 1999).

Salah satu prinsip undang-undang utama yang digunakan oleh Vietnam untuk menegakkan tuntutannya adalah konsep "penguasaan berkesan," yang menjadi teras kepada undang-undang antarabangsa mengenai pertikaian wilayah. Berdasarkan prinsip ini, sesebuah negara boleh menuntut kedaulatan ke atas sesuatu wilayah jika ia dapat menunjukkan penguasaan yang berkesan dan berterusan ke atas kawasan tersebut. Vietnam berhujah bahawa penguasaan berterusan dan berulang kali ke atas pulau-pulau tersebut sejak abad ke-17, serta usaha-usaha untuk mengekalkan kehadiran ketenteraan dan awam di pulau-pulau tersebut, memenuhi syarat penguasaan berkesan.

Namun, dengan kemunculan tuntutan China yang semakin meluas, terutamanya di kawasan di bawah 'nine-dash line', pertikaian ini menjadi lebih rumit. Tuntutan China yang mendakwa hampir keseluruhan Laut China Selatan sebagai wilayahnya telah ditentang oleh Vietnam, yang menegaskan bahawa garis tersebut tidak memiliki asas sejarah dan

undang-undang yang sah (Special Issue On The South China Sea Arbitration, 2016).

Vietnam berpendapat bahawa hak kedaulatannya ke atas Kepulauan Paracel dan Spratly adalah sah, berlandaskan prinsip kesan dalam undang-undang antarabangsa serta penguasaan yang konsisten dan berterusan terhadap pulau-pulau tersebut (Pedrozo, 2014).

Tuntutan Oleh Negara Filipina

Asal-usul tuntutan Filipina bermula pada tahun 1956 apabila seorang pengembara Filipina bernama Tomas Cloma mengisytiharkan kedaulatan ke atas sebahagian Kepulauan Spratly, dan menamakannya sebagai "Wilayah Bebas Freedomland." Tindakan Cloma berasaskan prinsip terra nullius, iaitu wilayah yang tidak dimiliki oleh mana-mana kuasa berdaulat pada ketika itu. Walaupun, Chin dan Jawas (2015) menegaskan bahawa tuntutan ini pada mulanya bersifat peribadi dan tidak rasmi, ia kemudiannya menjadi asas kepada tindakan negara Filipina yang lebih formal.

Menyedari kepentingan strategik kawasan tersebut, Presiden Ferdinand Marcos mengeluarkan Presidential Decree No. 1596 pada tahun 1978 yang secara rasmi mengintegrasikan Kalayaan Island Group ke dalam wilayah Filipina. (Chin & Jawas, 2015). Langkah perundangan ini menandakan peralihan tuntutan Cloma daripada peringkat individu kepada satu tindakan negara yang sah dari segi undang-undang.

Selain daripada asas sejarah, tuntutan Filipina juga disokong oleh kedekatan geografi. Gugusan Pulau Kalayaan terletak sepenuhnya dalam ZEE Filipina dan kawasan pelantar benua seperti yang ditakrifkan oleh UNCLOS. Sebahagian daripada pulau dan terumbu dalam Kepulauan Spratly terletak kira-kira 250 kilometer dari pantai barat Palawan,

menjadikannya jauh lebih hampir kepada Filipina berbanding negara-negara penuntut lain seperti China dan Vietnam (Severino, 2015).


Berbeza dengan negara-negara lain yang cenderung menggunakan peta lama atau dakwaan sejarah kuno sebagai asas tuntutan, Filipina memilih untuk memperkukuh pendiriannya menerusi kerangka undang-undang antarabangsa moden. Sebagai pihak kepada UNCLOS 1982, Filipina menegaskan bahawa ia mempunyai hak kedaulatan ke atas sumber di dalam ZEE 200 batu nautika, yang merangkumi sebahagian besar wilayah Kalayaan.

Tuntutan ini kemudiannya diperkuatkan dengan pewartaan Republic Act No. 9522 pada tahun 2009 oleh Kongres Filipina, yang meminda undang-undang garis dasar negara itu dan mengesahkan semula kedaulatan serta bidang kuasa Filipina ke atas KIG sebagai satu "rejim kepulauan" yang selaras dengan UNCLOS.

Lebih penting lagi, Filipina menunjukkan keunggulan pendekatan diplomatik dan perundangan melalui tindakannya memfailkan kes terhadap China di Mahkamah Timbang Tara Tetap (Permanent Court of Arbitration, PCA) pada tahun 2013. Dalam keputusan kes tersebut, tribunal antarabangsa memutuskan bahawa tuntutan China melalui 'Nine-Dash Line' tidak mempunyai asas perundangan di bawah UNCLOS. Walaupun keputusan dalam kes ini tidak menentukan kedaulatan wilayah ke atas mana-mana ciri maritim di Kepulauan Spratly, namun keputusan tersebut penting kerana ia menjelaskan had tuntutan maritim berdasarkan UNCLOS, khususnya berhubung kesan undang-undang 'Nine-Dash Line' dan tafsiran Artikel 121.

Dalam menghadapi peningkatan ketegangan serantau dan tindakan ketenteraan oleh negara-negara pesaing, Filipina terus mengekalkan pendekatan berprinsip dengan mematuhi undang-

undang antarabangsa dan menyeru kepada kerjasama pelbagai hala dalam kalangan negara-negara ASEAN. Filipina juga giat menyokong usaha ke arah mewujudkan kod tingkah laku yang mengikat di Laut China Selatan bagi mengelakkan konfrontasi dan memastikan kestabilan jangka panjang di rantau tersebut.



Rajah Tuntutan Negara-Negara di Kepulauan Spratly

ASAS UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA DALAM MENILAI TUNTUTAN WILAYAH

Undang-undang antarabangsa menyediakan asas penting dalam menilai kesahihan tuntutan wilayah, terutamanya dalam konflik seperti di Kepulauan Spratly. Prinsip seperti kedaulatan wilayah, pendudukan berkesan (*effective occupation*), dan kawalan berkesan (*effective control*) menjadi rujukan utama. Melalui prinsip-prinsip ini, kesahihan sesuatu tuntutan tidak hanya bergantung kepada sejarah atau penemuan, tetapi kepada pelaksanaan kuasa negara yang berterusan dan diiktiraf secara sah oleh komuniti antarabangsa.

Prinsip Asas Kedaulatan dalam Undang-Undang Antarabangsa

Kedaulatan merupakan konsep yang mendasari struktur sistem antarabangsa moden. Dalam kerangka undang-undang antarabangsa, prinsip asas kedaulatan negara berpusat daripada pemahaman bahawa setiap negara memiliki kuasa eksklusif terhadap wilayahnya sendiri tanpa campur tangan pihak luar, seperti yang diperuntukkan dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Artikel 2(1) dan prinsip territorial integrity. Artikel 1 Konvensyen Montevideo 1933 pula menegaskan bahawa status sesebuah negara yang berdaulat bergantung kepada empat elemen utama iaitu penduduk tetap, wilayah yang ditentukan, kerajaan, dan keupayaan menjalin hubungan antarabangsa. Namun begitu, dalam praktiknya, konsep kedaulatan tidak bersifat mutlak atau tunggal. Ini bermakna, kedaulatan harus ditafsirkan melalui pendekatan multidimensi yang merangkumi aspek factual (*de facto*), normative (*de jure*), dan axiological (nilai) (Núñez, 2014).

Konflik kedaulatan di Laut China Selatan, khususnya terhadap Kepulauan Spratly, merupakan satu contoh kontemporari bagaimana pelbagai negara mentafsir dan mengaplikasikan prinsip kedaulatan dalam pelbagai bentuk untuk menyokong tuntutan mereka. China, Vietnam, Filipina dan Malaysia masing-masing membuat tuntutan ke atas kepulauan tersebut berdasarkan justifikasi sejarah, kawalan fizikal, pentadbiran berterusan, serta penemuan geografi (Muhammad et al., 2017). Dalam konteks prinsip asas undang-undang antarabangsa, dua perkara utama perlu dianalisis iaitu prinsip kedaulatan wilayah (*territorial sovereignty*) dan doktrin *effective control*. Negara yang menuntut hak kedaulatan perlu membuktikan bahawa mereka mempunyai kawalan yang efektif dan berterusan terhadap kawasan tersebut (Scott, 1995). Contohnya, Vietnam dan

Filipina sering mengetengahkan aktiviti pentadbiran, pembinaan infrastruktur dan kehadiran ketenteraan mereka sebagai bukti pemilikan secara de facto (Gurung, 2018).

Sebaliknya, China menggunakan pendekatan historical title dengan merujuk kepada peta “Nine-Dash Line” yang menunjukkan pemilikan sejarahnya terhadap kawasan Laut China Selatan. Namun begitu, prinsip ini ditolak oleh mahkamah dalam kes Filipina v. China (2016) yang memutuskan bahawa tuntutan berdasarkan sejarah tidak dapat mengatasi hak-hak berasaskan UNCLOS. Ini menimbulkan persoalan terhadap aspek normative sovereignty, di mana suatu tuntutan perlu disokong oleh pengiktirafan sah dari komuniti antarabangsa serta pematuhan terhadap prinsip undang-undang antarabangsa. Tanpa pengiktirafan ini, sesuatu tuntutan tidak boleh diiktiraf sebagai kedaulatan yang sah meskipun negara tersebut mungkin memiliki kawalan fizikal di lapangan.

Lebih kompleks lagi, Scott (1995) menegaskan bahawa prinsip kedaulatan dalam konteks Spratly turut melibatkan dimensi *axiological sovereignty* di mana penilaian nilai dan persepsi politik domestik mempengaruhi tuntutan tersebut. Sebagai contoh, China melihat tuntutannya sebagai isu “maruah nasional” dan keamanan strategik, manakala Vietnam menganggap kepulauan itu sebagai sebahagian integral dari warisan sejarah dan kedaulatan wilayahnya. Faktor nilai ini sering memburukkan konflik kerana ia menambah elemen emosi dan nasionalisme dalam perbincangan undang-undang yang sepatutnya objektif.

Melalui lensa undang-undang antarabangsa, prinsip asas kedaulatan negara seharusnya menitikberatkan keabsahan tuntutan berdasarkan kawalan efektif dan pematuhan kepada perjanjian antarabangsa seperti UNCLOS. Namun, konflik Spratly jelas menunjukkan ketegangan antara

pelbagai dimensi kedaulatan *de facto, de jure, dan axiological* yang mana tiada satu pun negara yang dapat memenuhi ketiga-tiga dimensi secara serentak dengan sempurna. Justeru, konflik ini kekal berpanjangan tanpa penyelesaian tuntas melalui undang-undang semata-mata.

Ringkasnya, penerapan prinsip asas kedaulatan dalam undang-undang antarabangsa terhadap konflik di Kepulauan Spratly menuntut pendekatan yang holistik. Undang-undang antarabangsa mesti menilai semula kesesuaian prinsip tradisional seperti territorial sovereignty dan uti possidetis juris dalam menyelesaikan pertikaian wilayah yang kini semakin kompleks dengan faktor sejarah, geopolitik dan nilai nasional. Oleh itu, pendekatan multidimensi terhadap kedaulatan membolehkan satu kerangka yang lebih realistik dan adil untuk menangani konflik seperti ini dengan cara yang menghormati bukan sahaja struktur undang-undang, tetapi juga realiti politik dan sosial antarabangsa.

Kawalan Berkesan (Effective Control) dan konsep-konsep yang terpakai

Prinsip kawalan berkesan (effective control) juga merupakan salah satu asas terpenting dalam menentukan kesahihan tuntutan kedaulatan di bawah undang-undang antarabangsa. Prinsip ini menuntut bahawa sesebuah negara bukan sahaja mendakwa hak milik terhadap sesuatu wilayah, tetapi juga mesti melaksanakan pentadbiran yang nyata, berterusan dan bebas ke atas wilayah serta penduduk tetapnya (Zeng, 2025).

Prinsip kawalan berkesan dalam undang-undang antarabangsa berkait rapat dengan konsep pendudukan berkesan (effective occupation) dan status terra nullius. Secara tradisional, pendudukan berkesan melibatkan dua elemen utama iaitu terra nullius dan effectivités, iaitu pelaksanaan kuasa kenegaraan secara berterusan dan nyata terhadap wilayah yang

tidak pernah dikuasai oleh mana-mana negara, atau yang telah ditinggalkan oleh pihak sebelumnya (Zeng, 2025).

Namun, dalam perkembangan moden, pengiktirafan terhadap *effectivités* sebagai elemen yang berdiri sendiri semakin meningkat, terutamanya dalam pertikaian yang melibatkan wilayah yang tidak lagi memenuhi syarat *terra nullius* secara mutlak. Ini kerana, sesetengah wilayah telah pun pernah ditemui atau dituntut, tetapi tidak pernah berada di bawah kawalan berkesan mana-mana negara, atau telah ditinggalkan tanpa pelaksanaan kuasa berdaulat secara nyata. Dalam hal ini, *effectivités* merangkumi aktiviti kenegaraan secara konsisten yang mencerminkan niat untuk menuntut dan mengekalkan kedaulatan.

Sebagaimana yang dijelaskan dalam kes Clipperton Island, tribunal timbang tara menegaskan bahawa walaupun Perancis tidak melaksanakan pentadbiran aktif selepas mendakwa pulau tersebut, ia tidak pernah menyatakan niat untuk meninggalkan tuntutan itu. Oleh itu, ketiadaan "niat untuk melepaskan" (*animus derelinquendi*) serta ketiadaan tuntutan pesaing yang lebih sah telah mengukuhkan kedudukan Perancis berdasarkan prinsip kawalan berkesan secara pasif (Song, 2018).

Lebih penting lagi, hakim Max Huber dalam kes Island of Palmas menyatakan bahawa penzahiran berterusan dan aman terhadap kedaulatan wilayah adalah setara dengan hak milik (*title*), terutamanya apabila tuntutan tersebut disokong oleh aktiviti-aktiviti kenegaraan yang berfungsi dan tidak dipertikaikan oleh negara lain. Ini menegaskan bahawa kedaulatan tidak wajar ditentukan berdasarkan satu titik masa sahaja, tetapi mesti wujud secara konsisten sehingga kepada tarikh kritikal pertikaian (*critical date*).

Dalam konteks Kepulauan Spratly, di mana wujud pertindihan tuntutan antara beberapa negara serantau, prinsip

effectivités digunakan bukan sahaja untuk menyokong penguasaan ke atas wilayah yang dikatakan *terra nullius*, tetapi juga untuk mempertahankan hak terhadap wilayah yang pernah diduduki atau dituntut oleh negara lain. Sebagai contoh, kehadiran berterusan tentera, pentadbiran awam, dan infrastruktur oleh China, Vietnam dan Filipina di pulau-pulau tertentu menjadi bukti manifestasi kawalan berkesan, yang penting dalam mengukuhkan tuntutan mereka di mata undang-undang antarabangsa.

Dalam kes ini, persoalan utama bukan sekadar siapa yang menemui wilayah tersebut dahulu, tetapi siapa yang telah melaksanakan fungsi kenegaraan secara nyata dan aman tanpa cabaran berkesan daripada pihak lain. Seperti yang ditegaskan dalam doktrin *effectivités*, bukti tindakan kenegaraan, sama ada dalam bentuk pentadbiran, pengawasan keselamatan, atau pelaksanaan dasar awam adalah merupakan asas kukuh dalam mengesahkan tuntutan kedaulatan.

Oleh itu, dalam konteks pertikaian di Laut China Selatan, termasuk di Kepulauan Spratly, prinsip *effectivités* berfungsi bukan hanya sebagai pelengkap kepada tuntutan kedaulatan, tetapi juga sebagai instrumen utama dalam menilai keabsahan penguasaan wilayah. Dalam situasi di mana hak milik asal tidak jelas atau ditinggalkan, *effectivités* mampu bertindak sebagai asas pengesahan kedaulatan, selari dengan prinsip amalan negara dan doktrin undang-undang antarabangsa yang diterima secara meluas.

ANALISIS PERANAN SOFT LAW DAN PENDEKATAN NORMATIF DALAM PENCEGAHAN KONFLIK

Konsep soft law, seperti yang dihuraikan oleh Robert Megarry dalam *Law Quarterly Review* (1944) adalah sebagai 'quasi-legislation', merujuk kepada norma yang tidak mengikat secara sah tetapi tetap

mempengaruhi tingkah laku pihak yang terlibat. Ia sering digunakan oleh pihak berkuasa tanpa kuasa statutori khusus, dalam bentuk garis panduan, pekeliling atau kod amalan.

Konflik berpanjangan di Spratly, telah mendorong penggunaan pelbagai pendekatan bukan konfrontasi bagi meredakan ketegangan serantau. Antara pendekatan paling ketara ialah penggunaan soft law, iaitu instrumen undang-undang bukan mengikat yang bersifat normatif seperti deklarasi, kod tingkah laku, dan kenyataan bersama. Dalam konteks ini, (DoC) 2002 merupakan contoh awal bagaimana soft law digunakan sebagai asas interaksi antara negara penuntut dalam keadaan tiada persetujuan terhadap penyelesaian muktamad isu kedaulatan.

DoC ditandatangani antara China dan negara ASEAN sebagai satu pernyataan niat untuk menyelesaikan pertikaian secara aman, memelihara kebebasan pelayaran, dan mengelakkan tindakan yang boleh meningkatkan ketegangan di kawasan yang dipertikaikan (Daly, 2021). Meskipun tidak mempunyai kesan perundangan yang mengikat, DoC memainkan peranan penting dalam menubuhkan landasan normatif bersama bagi interaksi serantau, terutamanya dalam menyatakan prinsip asas seperti tidak menggunakan kekerasan dan menyelesaikan pertikaian melalui rundingan.

Meskipun demikian, kelemahan utama DoC terletak pada sifatnya yang terlalu umum dan tidak mengandungi mekanisme pelaksanaan atau pemantauan. Tiada klausa spesifik mengenai penguatkuasaan, bidang kuasa, atau implikasi terhadap pelanggaran prinsip-prinsip yang dipersetujui. Oleh itu, pelaksanaan DoC kekal simbolik dan bergantung sepenuhnya kepada kehendak politik (political will) negara-negara pihak yang bertikai.

Dalam usaha membina kerangka yang lebih kukuh, ASEAN melangkah ke fasa seterusnya dengan merangka Kod Tingkah Laku (Code of Conduct – CoC) sebagai kesinambungan DoC. Usaha ini bermula dengan penggubalan *Framework of CoC* pada 2017 dan Draf Teks Rundingan Tunggal (SDNT) pada 2018. CoC dijangka menjadi dokumen soft law yang lebih komprehensif dan menjurus ke arah pengiktirafan norma bersama tentang tingkah laku negara di Laut China Selatan. Walaupun CoC belum dimuktamadkan, perbincangan mengenainya memperlihatkan peningkatan dalam kandungan seperti perincian mengenai kebebasan pelayaran, pengurusan insiden, serta keperluan penyelesaian pertikaian secara aman.

Dilihat lagi, dalam jangka masa pendek, peranan soft law seperti DoC dan draf CoC tetap signifikan dalam mengurangkan risiko konflik bersenjata secara langsung. Ia menyediakan ruang diplomatik yang membolehkan negara-negara mengekalkan saluran komunikasi terbuka, sekaligus mencegah salah tafsir atau salah perhitungan dalam interaksi di laut. Tambahan pula, *soft law* berfungsi sebagai asas normatif awal bagi pembentukan *customary international law* sekiranya digunakan secara meluas dan konsisten.

Dalam realiti geopolitik yang tidak seimbang, khususnya dengan pengaruh China yang semakin dominan, *soft law* memberikan pilihan kepada negara untuk memanfaatkan prinsip-prinsip kolektif tanpa menimbulkan konfrontasi terbuka. Walaupun tidak menyelesaikan isu kedaulatan secara substantif, pendekatan normatif ini menyumbang kepada pencegahan konflik, penstabilan hubungan serantau, dan pengumpulan kepercayaan politik secara beransur-ansur. Faktor ini dilihat penting dalam usaha ke arah penyelesaian jangka panjang.

Namun, untuk memperkasakan keberkesanan CoC, beberapa cadangan boleh diambil kira. Pertama, CoC hendaklah memperuntukkan suatu mekanisme pemantauan dan semakan pematuhan yang terdiri daripada wakil ASEAN dan China. Ian Storey (2017) mengkritik kerangka CoC 2017 adalah “*short on details*” dan gagal memperincikan mekanisme pelaksanaannya. Oleh itu, adalah penting bagi kerangka COC untuk memperuntukkan suatu klausa khusus dan spesifik yang menetapkan dengan jelas undang-undang atau peraturan yang terpakai dalam kawasan tersebut bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kerjasama antara negara-negara yang terlibat. (Ahmed, 2023). Dalam mencapai matlamat ini, adalah disyorkan bahawa satu jawatankuasa pemantauan dan pematuhan ini diwujudkan bagi memudahkan aduan boleh dibuat dan siasatan boleh dijalankan oleh jawatankuasa tersebut. Kewujudan jawatankuasa ini akan bertindak menyediakan laporan berkala mengenai tahap pematuhan setiap negara. Mekanisme sedemikian dapat meningkatkan ketelusan dan mewujudkan tekanan diplomatik terhadap mana-mana negara yang gagal mematuhi CoC.

Seterusnya, adalah disyorkan agar kerangka COC memperuntukkan suatu klausa khusus bagi penubuhan Joint Development Zone (JDZ). Penubuhan ini bukan sahaja mampu bertindak sebagai suatu pengaturan sementara yang bersifat praktikal, malah membolehkan negara-negara yang mempunyai tuntutan bertindih menjalankan pembangunan bersama sumber minyak dan gas, tanpa menjejaskan atau memprejudiskan tuntutan kedaulatan masing-masing selaras dengan prinsip penyelesaian pertikaian secara aman di bawah undang-undang antarabangsa (Ahmed, 2023). Hal ini adalah selaras dengan Artikel 74(3) dan Artikel 83(3) UNCLOS yang secara tidak langsung menggalakkan negara-negara yang

mempunyai tuntutan bertindih untuk mewujudkan “*provisional arrangements of a practical nature*” sementara menunggu penyelesaian muktamad mengenai persempadanan maritim.

Kejayaan Malaysia-Thailand Joint Development Area (MTJDA) yang ditubuhkan melalui Memorandum Persefahaman 1979 dan Perjanjian 1990 antara Malaysia dan Thailand adalah contoh yang wajar dirujuk. “*Joint Development Area*” ini membolehkan kedua-dua negara meneroka dan mengeksploitasi sumber minyak dan gas di kawasan pertindihan tuntutan maritim di Teluk Thailand. Pengaturan dua hala yang dibenarkan di bawah UNCLOS ini telah membawa manfaat yang signifikan kepada kedua-dua negara dari segi keselamatan tenaga dan pertumbuhan ekonomi sejak pengeluaran gas bermula pada tahun 2005. (Baradari, 2023).

Bagi menjayakan JDZ, negara-negara yang mempunyai tuntutan bertindih ini perlulah mengadakan rundingan yang jelas dari segi aspek pembahagian kos, tanggungjawab dan keuntungan bagi mengutamakan persetujuan bersama berdasarkan faktor-faktor seperti sumbangan modal, kapasiti teknologi serta kepentingan ekonomi setiap negara, tanpa prejudis terhadap tuntutan kedaulatan masing-masing.

UNCLOS DAN IMPLIKASINYA TERHADAP TUNTUTAN HAK MARITIM

UNCLOS telah menjadi kerangka undang-undang antarabangsa yang utama dalam mengawal penggunaan laut, hak kedaulatan negara pantai, serta eksploitasi sumber maritim. Dalam konteks pertikaian wilayah di Laut China Selatan, khususnya berkaitan Kepulauan Spratly, UNCLOS berperanan sebagai asas hukum dalam menentukan

tuntutan kedaulatan dan hak maritim yang sah. Meskipun hampir semua negara penuntut, telah meratifikasi konvensyen ini, masih wujud ketidaksepakatan yang ketara dalam pelaksanaan dan tafsiran prinsip-prinsip perundangan di dalam UNCLOS. Perbezaan ini menjadi salah satu punca utama kepada ketegangan berterusan dan pertindihan tuntutan di rantau tersebut.

Analisis Artikel 121 UNCLOS: Takrif Pulau, Pulau Batu, dan Pulau Buatan Manusia

Rometius (2023) menegaskan bahawa Artikel 121 UNCLOS memainkan peranan penting dalam menentukan status geografi ciri maritim dan kelayakannya menjana hak maritim. Artikel 121(1) mentakrifkan pulau sebagai daratan semula jadi yang timbul di atas permukaan laut ketika air pasang dan dikelilingi oleh air. Artikel 121(2) menyatakan bahawa pulau yang memenuhi definisi tersebut berhak menjana perairan wilayah, ZEE, dan pelantar benua. Namun begitu, Artikel 121(3) memperkenalkan sekatan penting dengan menyatakan bahawa “batu yang tidak dapat menyokong kehidupan manusia atau kegiatan ekonomi secara sendiri” tidak berhak menjana ZEE atau pelantar benua.

Tafsiran Artikel 121(3) UNCLOS dan Implikasinya terhadap Tuntutan Maritim di Kepulauan Spratly: Analisis Kes Filipina v China

Pertikaian maritim antara Filipina dan China di Laut China Selatan mencapai kemuncak apabila Filipina memfailkan prosiding timbang tara terhadap China pada 22 Januari 2013, berlandaskan Bahagian XV dan Lampiran VII Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 (UNCLOS). Prosiding ini memberi tumpuan kepada asas undang-undang hak maritim, status ciri geografi, dan keabsahan tindakan China di Kepulauan Spratly dan Terumbu Scarborough. Meskipun China telah menandatangani Deklarasi Mengenai

(DoC) bersama ASEAN pada tahun 2002, pendekatan tidak mengikat dalam deklarasi tersebut tidak menghalang China daripada meneruskan tindakan unilateral termasuk penambakan tanah berskala besar dan pembinaan pulau buatan.

Filipina mendasarkan tuntutannya pada UNCLOS untuk menolak legitimasi "hak sejarah" China yang dirangka melalui 'Nine-Dash Line'. Tribunal Timbang Tara menolak tuntutan China dengan menyatakan bahawa tuntutan hak sejarah terhadap sumber di dalam 'Nine-Dash Line' adalah tidak selaras dengan UNCLOS sekiranya ia melebihi had zon maritim yang dibenarkan oleh Konvensyen.

Pusat perdebatan dalam kes ini adalah Artikel 121(3) UNCLOS yang memperuntukkan bahawa batu yang tidak dapat menyokong penempatan manusia atau kehidupan ekonomi tersendiri tidak berhak kepada Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) atau pelantar benua. Tribunal menegaskan bahawa ciri geografi yang terbentuk secara semula jadi tidak boleh diklasifikasikan sebagai pulau penuh jika ia tidak boleh menyokong habitat manusia atau kehidupan ekonomi yang mandiri. Tambahan pula, usaha penambakan tanah, pembinaan struktur buatan, atau penggunaan teknologi moden oleh China di tujuh terumbu di Kepulauan Spratly tidak mengubah status undang-undang asal ciri-ciri tersebut.

Keputusan tribunal memperjelas status undang-undang ciri maritim dengan memutuskan bahawa semua ciri tanah tinggi di Kepulauan Spratly (termasuk Itu Aba, Thitu, dan West York) dari segi undang-undangnya adalah "batu" di bawah Artikel 121(3) yang tidak menjana ZEE atau pelantar benua. Tribunal juga memutuskan bahawa ciri seperti *Mischief Reef* dan *Second Thomas Shoal* adalah penonjolan surut rendah (*low-tide elevations*) yang tidak boleh dituntut dan terletak sepenuhnya dalam ZEE Filipina

Oleh itu, Artikel 121 UNCLOS menjadi asas penilaian kritikal dalam menilai kesahihan tuntutan hak maritim di Spratly. Tafsiran yang diberikan oleh tribunal antarabangsa ini telah memperkukuh kejelasan undang-undang bahawa tuntutan maritim mestilah berasaskan status semula jadi sesuatu ciri geografi, bukannya melalui pengubahsuaian buatan atau pencerobohan hak berdaulat negara lain.

Cabaran Pelaksanaan dan Ketidakeragaman Tafsiran dalam Kalangan Negara Penuntut

Meskipun UNCLOS telah diterima pakai secara meluas sebagai rujukan undang-undang antarabangsa utama berkaitan hak maritim, realitinya pelaksanaan dan tafsiran terhadap peruntukan ini seperti Artikel 121 sering kali berbeza antara setiap negara penuntut. Ini menimbulkan cabaran besar dalam penyelesaian konflik di Laut China Selatan.

Sebagai contoh, China tidak menerima pendekatan yang menilai status setiap ciri maritim di Kepulauan Spratly secara berasingan di bawah Artikel 121(3) UNCLOS. Sebaliknya, China menegaskan bahawa Kepulauan Nansha perlu dipertimbangkan sebagai satu keseluruhan dalam menentukan tuntutan laut wilayah, ZEE dan pelantar benua. Pendekatan ini menunjukkan bahawa perbezaan tafsiran terhadap status ciri maritim dan hak maritim di bawah UNCLOS masih menjadi cabaran penting dalam pengurusan konflik Laut China Selatan (Gau, 2019).

Selain itu, ketidakwujudan mekanisme penguatkuasaan yang jelas dalam UNCLOS turut membatasi keberkesanan keputusan mahkamah antarabangsa (Cui, 2003). Ketika PCA memutuskan bahawa tuntutan China melalui 'Nine-Dash Line' tidak sah, China tetap menolak keputusan tersebut dan meneruskan aktiviti militari dan penambakan di kawasan yang dipertikaikan. Ini menunjukkan

bahawa UNCLOS, walaupun kuat dari segi prinsip, masih memerlukan sokongan politik dan kehendak kolektif negara-negara terlibat untuk memastikan pelaksanaan yang konsisten dan efektif.

Kesimpulan kritikal daripada analisis ini menunjukkan bahawa meskipun UNCLOS dan keputusan PCA telah menyediakan kerangka undang-undang yang kukuh dalam menentukan hak maritim dan menilai kesahihan tuntutan kedaulatan, keberkesanan sebenar konvensyen ini masih berdepan cabaran besar di peringkat pelaksanaan. Perbezaan tafsiran terhadap peruntukan penting seperti Artikel 121 antara negara-negara penuntut, khususnya apabila ia melibatkan unsur teknikal seperti status geografi semula jadi dan kelayakan menjana zon maritim, telah membuka ruang kepada manipulasi undang-undang demi kepentingan geopolitik masing-masing.

Lebih membimbangkan, ketiadaan mekanisme penguatkuasaan yang jelas dalam UNCLOS menyebabkan keputusan pengadilan antarabangsa tidak dapat dijalankan dengan tuntas apabila berdepan dengan kuasa besar yang enggan akur. Situasi ini terbukti dalam penolakan China terhadap keputusan PCA walaupun telah dirujuk di bawah prosedur sah yang diperuntukkan dalam konvensyen. Keengganan untuk mematuhi keputusan ini bukan sahaja melemahkan autoriti institusi perundangan antarabangsa, tetapi turut mengancam kestabilan serantau dan prinsip kedaulatan undang-undang antarabangsa itu sendiri.

Oleh itu, penyelesaian terhadap konflik kedaulatan di Kepulauan Spratly tidak boleh bersandar semata-mata kepada tafsiran undang-undang secara unilateral. Ia menuntut pendekatan yang lebih holistik agar prinsip UNCLOS benar-benar dihormati dan dilaksanakan secara konsisten.

Kritikan Terhadap Ketidakerkesanan UNCLOS dalam Menangani Konflik Kompleks

Walaupun UNCLOS telah diterima secara meluas sebagai asas perundangan global dalam menentukan hak maritim dan kedaulatan negara pantai, pelaksanaannya dalam menangani konflik kompleks seperti pertikaian di Laut China Selatan ternyata masih jauh dari memadai. Kes melibatkan Kepulauan Spratly menunjukkan dengan jelas bahawa ketidakcukupan UNCLOS dalam menangani isu-isu baharu dan luar jangka telah menyebabkan ketegangan serantau terus berlarutan.

Salah satu kritikan utama ialah kelemahan UNCLOS dalam menangani tuntutan berdasarkan sejarah seperti yang dikemukakan oleh China melalui peta 'Nine-Dash Line'. Meskipun tribunal antarabangsa dalam kes Filipina v. China (2016) secara tegas menolak tuntutan tersebut atas alasan tiada asas dalam UNCLOS, ketiadaan mekanisme penguatkuasaan di dalam konvensyen tersebut menyebabkan keputusan ini tidak dapat diimplementasi secara efektif. China terus menolak keputusan tribunal, malah meneruskan aktiviti penambakan dan penempatan ketenteraan di kawasan pertikaian. Hal ini memperlihatkan bahawa kelemahan UNCLOS tidak hanya berpunca daripada perbezaan tafsiran terhadap peruntukannya, tetapi juga daripada masalah pematuhan dan penguatkuasaan. Walaupun UNCLOS sering dianggap sebagai instrumen undang-undang antarabangsa yang mengikat, keberkesanannya dalam realiti boleh dipersoalkan apabila wujud corak ketidakpatuhan yang berterusan oleh negara-negara tertentu serta kelemahan dari sudut penguatkuasaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa status UNCLOS sebagai satu kerangka undang-undang yang mengikat menjadi lemah apabila peruntukannya tidak dipatuhi secara konsisten dan mekanisme sedia ada gagal memastikan pematuhan yang berkesan (Vaangal, 2022). Keadaan ini membolehkan

kuasa-kuasa besar mengamalkan pendekatan "pilih dan guna" terhadap peruntukan UNCLOS, sekali gus menjejaskan integriti konvensyen tersebut sebagai instrumen undang-undang antarabangsa yang mengikat (Silviani, 2019). Hal ini dikatakan demikian kerana kuasa-kuasa besar ini cenderung mematuhi peruntukan yang selari dengan kepentingan mereka, manakala peruntukan lain yang tidak menguntungkan mereka diketepikan atau diabaikan. Pendekatan sedemikian menjejaskan integriti UNCLOS kerana konvensyen tersebut tidak lagi berfungsi secara seragam terhadap semua negara pihak.

Kritikan kedua ialah ketidakjelasan dalam mentafsir status ciri geografi, terutamanya antara pulau, batu, dan pulau buatan. Artikel 121 UNCLOS memberikan definisi asas, namun tafsiran terhadap Artikel 121(3) yang menyatakan bahawa batu yang tidak mampu menyokong kehidupan manusia atau ekonomi mandiri tidak berhak menjana ZEE kekal kabur dan mudah dimanipulasi (Gau, 2019). Tribunal PCA telah menjelaskan bahawa status ciri-ciri di Kepulauan Spratly tidak memenuhi kriteria untuk diiktiraf sebagai pulau dalam konteks hak maritim, namun banyak negara penuntut, terus menggunakan tafsiran sendiri yang longgar bagi mengabsahkan tuntutan dan kehadiran mereka. Ini menjadikan UNCLOS terdedah kepada tafsiran selektif dan politikal oleh pihak berkepentingan, sekaligus melemahkan objektiviti konvensyen tersebut.

Seterusnya, kelemahan UNCLOS terserlah dalam isu pelanggaran prinsip kebebasan navigasi. Artikel 87 dan 90 menjamin hak semua negara untuk berlayar di perairan antarabangsa, namun tindakan China yang sering kali menghalang kapal awam dan tentera negara lain termasuk melalui intimidasi, penggunaan laser, dan rondaan bersenjata di perairan berdekatan dengan pulau yang didudukinya jelas

mencabuli prinsip ini. Sekali lagi, ketiadaan mekanisme penguatkuasaan di bawah UNCLOS menyebabkan pelanggaran ini tidak dapat dikenakan sebarang tindakan berkesan.

Keempat, UNCLOS juga gagal memberikan penyelesaian yang holistik dan kontekstual terhadap pertikaian yang melibatkan unsur politik dan keselamatan. Sebagai sebuah instrumen yang dirangka untuk norma teknikal, UNCLOS tidak menyediakan pendekatan adaptif dalam menangani dinamik geopolitik yang sentiasa berubah. Dalam situasi seperti di Laut China Selatan, di mana pertikaian maritim berkait rapat dengan isu kedaulatan, keselamatan serantau dan perlumbaan pengaruh kuasa besar, UNCLOS dilihat terlalu sempit dan tidak cukup responsif.

Justeru, pengalaman dari pertikaian di Laut China Selatan mendedahkan batasan-batasan keberkesanan UNCLOS apabila berdepan dengan konflik maritim yang kompleks, terutamanya yang melibatkan kuasa besar, pulau buatan, dan tuntutan sejarah. Tanpa reformasi yang bersifat struktural dan politik, UNCLOS akan terus dianggap sebagai satu kerangka “ideal di atas kertas” namun gagal menjadi satu sistem perundangan laut yang benar-benar berfungsi. Ini berpunca daripada kelemahan sistemik seperti ketiadaan kuasa mengikat secara efektif dan tiadanya penekanan terhadap ‘enforceability’ dalam teks UNCLOS sendiri di mana istilah ‘binding’ tidak pernah ditekankan secara eksplisit, sekaligus menimbulkan keraguan terhadap niat sebenar negara-negara penandatangani.

CADANGAN PENGURUSAN KONFLIK KEDAULATAN DI KEPULAUAN SPRATLY

Kaedah pengurusan yang paling konvensional dalam menangani pertikaian wilayah seperti yang berlaku di Kepulauan Spratly adalah melalui mekanisme

pengadilan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) (Hasan & Jian, 2019).

Namun begitu, realiti politik serantau menunjukkan bahawa negara-negara kebanyakan anggota ASEAN lebih gemar memilih pendekatan diplomatik yang bersifat tidak konfrontasi serta memberi ruang kepada kaedah pengurusan yang mengekalkan imej dan maruah pihak yang terlibat (*face-saving mechanisms*). Oleh yang demikian, kebarangkalian untuk mana-mana pihak secara sukarela menyerahkan pertikaian kedaulatan ini kepada bidang kuasa ICJ dilihat sangat rendah.

Meskipun begitu, pengalaman terdahulu antara Malaysia dan Singapura dalam membawa pertikaian kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh ke ICJ boleh dijadikan preseden penting. Kes tersebut memperlihatkan bahawa penyelesaian secara perundangan di peringkat antarabangsa bukan sahaja dapat mengurangkan ketegangan diplomatik, malah mampu memberikan kepastian undang-undang berdasarkan prinsip dan bukti yang sah. Dalam konteks pertikaian Spratly, contoh ini wajar dijadikan rujukan dalam menilai keberkesanan penyelesaian melalui saluran kehakiman antarabangsa yang berlandaskan prinsip kedaulatan wilayah dan norma undang-undang antarabangsa yang diiktiraf.

Selain kes Pulau Batu Puteh, pertikaian kedaulatan antara Malaysia dan Indonesia berhubung Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan juga menunjukkan peranan penting ICJ sebagai saluran penyelesaian undang-undang antarabangsa. Dalam kes tersebut, kedua-dua negara telah bersetuju melalui suatu *Special Agreement* untuk meminta ICJ menentukan sama ada kedaulatan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan adalah milik Indonesia atau Malaysia berdasarkan triti, perjanjian dan keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak-pihak. Kes ini memperlihatkan bahawa penyelesaian melalui ICJ hanya

boleh berjalan apabila negara-negara bertikai memberikan persetujuan yang jelas terhadap bidang kuasa Mahkamah dan menetapkan isu pertikaian secara khusus. Dalam konteks Kepulauan Spratly, pendekatan ini boleh dijadikan rujukan kerana pertikaian hanya dapat diselesaikan secara kehakiman sekiranya negara-negara penuntut bersedia menyerahkan isu kedaulatan kepada badan kehakiman antarabangsa.

Seterusnya, pendekatan konsiliasi juga wajar dipertimbangkan sebagai satu mekanisme yang bersifat tidak konfrontasi dan lebih fleksibel, khususnya dalam fasa awal rundingan. Melalui kaedah ini, pihak ketiga yang neutral boleh berperanan sebagai pemudah cara untuk memulakan dialog antara pihak yang berselisih. Contoh amalan negara lain dapat dilihat melalui proses konsiliasi antara Iceland dan Norway berhubung kawasan pelantar benua antara Iceland dan Jan Mayen. (Conciliation Commission on the Continental Shelf area between Iceland and Jan Mayen: Report and recommendations to the governments of Iceland and Norway, 1981)

Dalam kes tersebut, kedua-dua negara telah bersetuju melalui Perjanjian 28 Mei 1980 untuk merujuk isu garis pemisah pelantar benua kepada sebuah Suruhanjaya Konsiliasi. Suruhanjaya tersebut diberi mandat untuk mengemukakan cadangan dengan mengambil kira kepentingan ekonomi Iceland, faktor geografi dan geologi serta keadaan-keadaan khas yang berkaitan. Walaupun cadangan Suruhanjaya Konsiliasi itu tidak mengikat pihak-pihak, kedua-dua negara tetap bersetuju untuk memberikan pertimbangan yang munasabah terhadap cadangan tersebut dalam rundingan lanjut. Pendekatan ini menunjukkan bahawa konsiliasi boleh berfungsi sebagai mekanisme pengurusan konflik yang praktikal kerana ia tidak memaksa negara menerima keputusan muktamad, tetapi

menyediakan asas rundingan yang lebih tersusun dan objektif.

Walaupun konsiliasi lazimnya lebih berkesan dalam pertikaian yang melibatkan dua pihak, pendekatan ini masih boleh dilaksanakan dalam pertikaian Kepulauan Spratly melalui mekanisme berperingkat dan berfokus. Hal ini kerana pertikaian Spratly melibatkan pelbagai negara penuntut dengan asas tuntutan, kawasan pertindihan dan kepentingan strategik yang berbeza. Oleh itu, konsiliasi tidak semestinya perlu dimulakan dengan penyelesaian menyeluruh terhadap isu kedaulatan, sebaliknya boleh difokuskan kepada isu-isu tertentu seperti kerjasama negara dalam konteks perikanan, perlindungan alam sekitar marin, pembangunan bersama sumber dan sebagainya.

Cadangan konsiliasi dalam pertikaian Kepulauan Spratly boleh disandarkan kepada Article 284 UNCLOS 1982 dan Annex V UNCLOS. Article 284 memperuntukkan bahawa sesebuah *State Party* yang terlibat dalam pertikaian berhubung tafsiran atau pemakaian UNCLOS boleh menjemput pihak lain, termasuk "*other party or parties*", untuk menyerahkan pertikaian tersebut kepada konsiliasi. Frasa ini menunjukkan bahawa konsiliasi di bawah UNCLOS tidak semestinya terbatas kepada pertikaian dua hala, tetapi boleh disesuaikan kepada pertikaian yang melibatkan lebih daripada dua pihak.

Perkara ini diperkukuh oleh Annex V Article 3(g) dan 3(h) UNCLOS yang memperuntukkan keadaan di mana dua atau lebih pihak mempunyai kepentingan yang sama atau kepentingan yang berasingan dalam sesuatu pertikaian. Peruntukan ini menunjukkan bahawa struktur konsiliasi boleh disesuaikan dalam pertikaian berbilang pihak. Oleh itu, dalam konteks Kepulauan Spratly, konsiliasi boleh dilaksanakan secara berperingkat dengan melibatkan negara-negara penuntut yang

berkaitan, khususnya bagi isu yang menyentuh tafsiran atau pemakaian UNCLOS seperti ZEE, pelantar benua, pulau buatan, perlindungan alam sekitar marin, keselamatan pelayaran dan pengurusan insiden di laut.

Dalam hal ini, Malaysia boleh dicadangkan untuk memainkan peranan sebagai penyalaras atau wakil ASEAN dalam proses konsiliasi bersama China. Walaupun ASEAN adalah sebuah organisasi dan bukan negara pihak (State Party) kepada UNCLOS, negara-negara anggota ASEAN yang berkepentingan boleh menyalaras pendirian bersama dan memberi mandat kepada Malaysia untuk membawa pendirian tersebut dalam rundingan dengan China. Dengan cara ini, sebuah konsiliasi boleh diwujudkan secara praktikal sebagai rundingan antara negara-negara yang berkepentingan, yang diselaraskan oleh Malaysia, dengan China.

Cadangan ini juga selari dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025, di mana Malaysia telah mengekalkan isu Laut China Selatan dalam agenda serantau. Antara contoh yang dapat dilihat ialah penganjuran ASEAN Foreign Ministers' Retreat di Langkawi pada Januari 2025, yang merupakan mesyuarat besar pertama di bawah Pengerusi ASEAN Malaysia 2025. Selain itu, Kenyataan Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 di Kuala Lumpur turut menekankan kepentingan keamanan, kestabilan, kebebasan pelayaran, kawalan diri, penyelesaian aman, pelaksanaan DoC dan percepatan rundingan CoC. Perkembangan dalam Sidang Kemuncak ASEAN-China ke-28 di Kuala Lumpur juga menunjukkan momentum positif rundingan CoC, termasuk penyempurnaan bacaan ketiga dan penamaan semula teks rundingan kepada Draft COC.

Selain itu, pendekatan serantau melalui ASEAN dilihat lebih berdaya maju dan sesuai dengan realiti geopolitik Asia

Tenggara. (Khalik & Ya'akub, 2023). Melalui platform ini, negara-negara anggota ASEAN berupaya menyatukan pendirian dan mengoptimalkan keupayaan kolektif dalam merundingkan kaedah pengurusan yang inklusif dengan kuasa besar seperti China. Sejarah menunjukkan bahawa langkah ke arah ini telah bermula sejak penubuhan Deklarasi Manila 1992, yang secara eksplisit menggalakkan penyelesaian secara aman dan pembentukan kerjasama politik antara negara serantau. Namun demikian, pelaksanaan yang efektif terhadap agenda serantau ini tidak terlepas daripada kekangan prinsip musyawarah yang menuntut konsensus sebulat suara dalam kalangan negara anggota sebelum sebarang tindakan kolektif dapat diambil.

Sebagai mekanisme jangka panjang dan berstruktur, penubuhan sebuah komisyen bersama antarabangsa melibatkan penyertaan wakil sama rata daripada setiap pihak penuntut juga wajar dipertimbangkan (Hasan & Jian, 2019). Komisyen ini boleh bertindak sebagai badan tetap yang bertanggungjawab dalam menyelia proses rundingan, mencadangkan penyelesaian yang saksama, dan mengurus pertikaian secara neutral. Inspirasi kepada cadangan ini boleh dilihat melalui kejayaan Komisyen Air Antarabangsa AS-Kanada (1909) dalam menyelesaikan konflik sempadan dan isu pencemaran air. Dalam konteks pertikaian di Kepulauan Spratly, cabaran utama terletak pada keengganan sesetengah pihak untuk turut serta, serta perbezaan skop tuntutan setiap negara. Namun, struktur bersama seperti ini dapat memberi legitimasi yang lebih kukuh berbanding timbang tara dua hala atau rundingan bersifat ad hoc.

Sebagai alternatif kepada pengadilan formal juga, pelaksanaan penyelesaian melalui mekanisme di bawah UNCLOS wajar diberi perhatian sebagai satu kerangka undang-undang yang relevan (Vaangal, 2022). Namun, pelaksanaannya sangat bergantung kepada komitmen sukarela

semua pihak untuk tunduk kepada bidang kuasa tribunal yang ditetapkan di bawah UNCLOS. Dalam konteks pertikaian yang melibatkan pelbagai negara seperti di Kepulauan Spratly, isu keabsahan dan keberkesanan keputusan tribunal menjadi rumit memandangkan keputusan yang dihasilkan tidak semestinya terpakai atau mengikat kepada semua penuntut, terutamanya mereka yang enggan menyertai proses timbang tara tersebut.

Oleh itu, dapat diperhatikan secara jelas bahawa UNCLOS juga perlu melalui proses reformasi atau penambahbaikan, khususnya dalam aspek prosedur penyelesaian pertikaian dan mekanisme pematuhan. (Vaangal, 2022). Reformasi terhadap Annex VII, yang kini tidak disertai dengan instrumen pemantauan atau kuasa penguatkuasaan, wajar dipertimbangkan. Ketiadaan langkah susulan terhadap keputusan timbang tara hanya menjadikan UNCLOS berfungsi secara simbolik, tanpa kesan material kepada tingkah laku negara pelanggar. Tambahan pula, cadangan penubuhan tribunal serantau bawah naungan PBB yang bersifat tetap dan melibatkan semua negara penuntut boleh menjadi langkah ke hadapan. Tribunal ini boleh bertindak bukan sahaja sebagai mekanisme mengadili undang-undang, tetapi juga sebagai saluran diplomatik yang menyediakan rundingan berstruktur dan pemantauan berterusan terhadap pematuhan dan aktiviti negara-negara pesisir di zon pertikaian.

RUJUKAN

- Baradari, F. (2023). Energy Security in the Malaysia-Thailand Joint Development Area: Political and Economic Risk Factors. *Jurnal Kejuruteraan*, 35(5), 1055-1068.
- Beckman, R. (2013). The UN Convention on The Law of The Sea And The Maritime Disputes In The South China Sea. *The American Journal Of International Law*, 107, 142.
- Chang, Y. C. (2018). The South China Sea Disputes: An Opportunity for the Cross Taiwan Strait Relationship. *Asian Yearbook of International Law*, 22, 50-66.
- Chaudhury, D.R. (2021). China must honour legally binding UNCLOS verdict on South China Sea. *The Economic Times*.
<https://economictimes.indiatimes.com/news/defence/china-must-honour-legally-binding-unclos-verdict-on-south-china-sea/articleshow/84257847.cms?from=mdr>.
- Chen, A. (2024, December 10). South China Sea: Vietnam reef projects and runway may set scene for conflict with Beijing. *TheStar*.
<https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2024/12/10/south-china-sea-vietnam-reef-projects-and-runway-may-set-scene-for-conflict-with-beijing>
- Chiu, H., & Park, C. (1975). Legal status of the Paracel and Spratly Islands. *Ocean Development & International Law*, 3(1), 1-28.
<https://doi.org/10.1080/00908327509545556>.
- Chin, L & Javan, Joanes. (2015). Disputes and Overlapping Claims over Spratly Islands.
<https://doi.org/10.13140/RG.2.2.35486.96320>.
- Clipperton Island Arbitration, France v Mexico, (1949) II RIAA 1105, (1932) 26 AJIL 390, 28th January

- 1931, Permanent Court of Arbitration.
- Daly, S. (2021). The Rule of Soft Law. *King's Law Journal*. <https://doi.org/10.1080/09615768.2021.1885326>.
- De Gurung, A. S. B. (2018). China, Vietnam, and the South China Sea: An Analysis of the “Three Nos” and the Hedging Strategy. *Indian Journal of Asian Affairs*, 31(1/2), 1–20. <https://www.jstor.org/stable/26608820>
- Gao, Z., & Jia, B. B. (2013). The Nine-Dash Line in the South China Sea: History, Status, and Implications. *American Journal of International Law*, 107(1), 98–123. <https://doi.org/10.5305/amerjintelaw.107.1.0098>.
- Gau, M. S. (2019). The Interpretation of Article 121(3) of UNCLOS by the Tribunal for the South China Sea Arbitration: A Critique. *Ocean Development & International Law*, 50(1), 49–69. <https://doi.org/10.1080/00908320.2018.1511083>
- Hasan, Monjur, & Jian, He. (2019). Spratly Islands Dispute In The South China Sea: Potential Solutions. *Journal of East Asia and International Law*, 12(1), 145-168.
- Kepulauan Spratly dan potensi ekonomi. (2021, October 15). Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/10/15/kepulauan-spratly-dan-potensi-ekonomi>.
- Klein, N. (2005). Dispute Settlement in the UN Convention on the Law of the Sea. Cambridge: *Cambridge University Press*, 39, 1-397. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511494376>.
- Lai, Y. M., Kuik, Cheng-Chwee, & Abdullah, A. A. (December.2021). Pulau Layang-Layang in Malaysia's South China Sea Policy: Sovereignty Meets Geopolitical Reality amid China–U.S. Rivalry. *International Journal of China Studie*, 12(2), 189–222.
- Ma, X. (2020). The Spratly Islands and Territorial Rights. In: Kocsis, M. (eds) *Global Encyclopedia of Territorial Rights*. Springer International Publishing. https://doi.org/10.1007/978-3-319-68846-6_44-1.
- Muhammad, N., Wan Dahalan, W. S. A. (2017). The Islands Claimed By Malaysia In The Spratly Islands:A Review Based On United Nations Convention On The Law Of The Sea 1982. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science* , 22(9). <https://doi.org/10.9790/08372209040717>.
- Muhammad, N. et al. (2017). The Implementation of Sovereignty Theory on the Interest of Malaysia in the History of Spratly Island's Disputes. *Journal of Law, Policy and Globalization*, 66, 9-14.
- Murphy, B. K. (1994). Dangerous ground: The Spratly Islands and international law. *Ocean & Coastal Law Journal*, 1(2). Retrieved from <http://digitalcommons.maine.edu/oclj/vol1/iss2/3>.
- Nguyen, Hong Thao. (2012). Vietnam's position on the sovereignty over the paracels & the spratlys: its maritime claims. *Journal of East Asia and International Law*, 5(1), 165-212.
- Núñez, J. E. (2024). State sovereignty: Concept and conceptions. *International Journal for the Semiotics of Law - Revue Internationale de Sémiotique*

- Juridique*, 37(7), 2131–2150. <https://doi.org/10.1007/s11196-024-10170-y>.
- Pemmaraju, S. R. (2016). The South China Sea Arbitration (the Philippines v. China): Assessment of the award on jurisdiction and admissibility. *Chinese Journal of International Law*, 15(2), 265-307. <https://doi.org/10.1093/chinesejil/jmw019>.
- Rometius, Steel. (2023). Forty years' reflection of the legislative features of the UNCLOS: critical analysis. *Journal of East Asia and International Law*, 16(1), 29-48.
- Saunders, I. (2019). Artificial Islands And Territory In International Law. *Vanderbilt Journal Of Transnational Law*, 52, 643.
- Scott, B. (1995). Resolving the Question of Sovereignty over the Spratly Islands. *Willamette Bulletin of International Law & Policy*, 3, 37-68.
- Song, Y. (2018). A Study on the Effective Control Rule in Territorial Dispute Resolution [M]. Beijing: China University of Political Science and Law Press, *China University of Political Science and Law International Law Library*. 18.
- Storey, I. (2017). Assessing the ASEAN-China Framework for the Code of Conduct for the South China Sea. *ISEAS Yusof Ishak Institute*, 62, 1-7.
- Terpan, F. (2023). The definition of soft law. *Edward Elgar Publishing*, (pp. 43-55). <https://doi.org/10.4337/9781839101939.00011>.
- Tuntutan Malaysia berlandaskan UNCLOS. (2023, April 10). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1088111/tuntutan-malaysia-berlandaskan-nclos>.
- United Nations. (1981). Conciliation Commission on the Continental Shelf area between Iceland and Jan Mayen: Report and recommendations to the governments of Iceland and Norway. https://legal.un.org/riaa/cases/vol_x xvii/1-34.pdf
- Usuki, E. (2017). China's Three Distinctive Assertions under the 'Nine-dash-line' Claims and the Annex vii Arbitral Tribunal's Interpretation of Article 121 Regarding an Island and Rocks under the 1982 UN Convention on the Law of the Sea. *Asian Yearbook of International Law*, 21, 141-165.
- Vaangal, K. (2022). Reexamining the UNCLOS: a Lack of Compliance and Enforceability. *Lex Portus*, 8(1), 7-27. <https://doi.org/10.26886/2524-101X.8.1.2022.1>.
- Ward et al. (2015). Assessment of the potential environmental consequences of construction activities on seven reefs in the Spratly Islands in the South China Sea. <https://pcacases.com/web/sendAttach/1809>.
- Wei Cui. (2021). Multilateral Management as a Fair Solution to the Spratly disputes. *Vanderbilt Journal of Transnational Law*, 36(3), 799-862.
- Ying, A. (2016). South China Sea: Who Occupies What in the Spratlys? *The Diplomat*. <https://11nq.com/1iynew7>
- Yorac, H. B. (1983). The philippine claim to the spratly islands group. *Philippine Law Journal*, 58(2), 42-63.
- Zeng, Y. (2025). Effective control in international territorial disputes. *International Journal of Education*

and Social Development, 2(1), 8–12.
<https://doi.org/10.54097/zp5txt6>

KES

- ICJ, Reports Of Judgments, Advisory Opinions And Orders Case Concerning Sovereignty Over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks And South Ledge, 23 May 2008
- ICJ, The South China Sea Arbitration between the Republic of the Philippines and the People's Republic of China, 12 July 2016
- ICJ, Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan and Pulau Sipadan, 23 October 2001
- Permanent Court of Arbitration, Island of Palmas (or Miangas), Netherlands v United States of America, 4 April 1928